

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM  
[ PENDANG ]**

**SOALAN NO. 91**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapakah peruntukan untuk racun padi dan baja yang sudah diluluskan tetapi tidak sampai kepada petani dan bagaimanakah Kementerian ingin menyelesaikan masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM232.5 juta bagi pembekalan baja di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan RM281.5 juta bagi pembekalan komponen di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) seperti baja NPK Tambahan serta racun.

Kementerian tidak menafikan terdapat kes-kes kelewatan pengagihan yang berlaku, namun Kementerian percaya bahawa insiden berkenaan adalah merupakan kes-kes terpencil yang telah pun dapat diatasi. Kementerian ini memandang serius dan amat mengalu-alukan sebarang maklumat, sekiranya ada, berhubung kes-kes kelewatan penyaluran atau pengagihan bantuan berkaitan. Kementerian ini juga bersedia untuk meneliti sebarang proses pengagihan bantuan yang perlu diperbaiki untuk manfaat kumpulan sasaran yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.